



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



MENEROKA PENGETAHUAN KAUNSELOR DI SEKOLAH BERKAITAN KAUNSELING ISLAM

EXPLORING SCHOOL COUNSELORS' KNOWLEDGE OF ISLAMIC COUNSELING

Mohd Khir Johari Abas^{1*}, Md Noor Saper², Nurul Ain Mohd Daud³

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: khrijohari@yahoo.com

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: md.noor@fpm.upsi.edu.my

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nurul.ain@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Abas, M. K. J., Saper, M. N., & Daud, N. A. M. (2024). Meneroka Pengetahuan Kaunselor Di Sekolah Berkaitan Kaunseling Islam. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 9 (54), 568-580.

DOI: 10.35631/IJEPC.954043

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan kaunselor Muslim di sekolah berkaitan kaunseling Islam. Reka bentuk kajian kualitatif berasaskan kaedah kajian kes pelbagai kes digunakan dengan sampel kajian seramai 19 orang kaunselor Muslim yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai pengetahuan jelas mengenai kaunseling Islam yang meliputi dua tema utama iaitu "Proses kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia dan bermatlamatkan akhirat" serta "Modifikasi terhadap kaunseling barat". Berdasarkan tema pertama, kaunselor menekankan kepentingan memahami fitrah manusia serta konsep al-Nafs, al-Qalb, al-Aql, dan al-Ruh. Mereka berpegang kepada matlamat mengembalikan individu kepada fitrah asal dan menjadikan al-Quran serta al-Sunnah sebagai panduan utama. Selain itu, kaunselor melihat peranan mereka sebagai pendakwah yang membimbing klien menjaga ibadah dan berakhlak mulia. Bagi tema kedua pula, kaunselor mengintegrasikan elemen-elemen Islam ke dalam proses kaunseling barat di mana teori-teori barat dijadikan sebagai kerangka proses manakala elemen Islam seperti ayat Al-Quran, hadis, dan nilai akhlak diselitkan sebagai pelengkap. Kajian ini memberikan gambaran bahawa kaunselor sedar akan kepentingan menerapkan nilai-nilai Islam dalam sesi kaunseling dan berusaha mengisi proses kaunseling dengan elemen-elemen Islam agar selari dengan keperluan klien. Walau bagaimanapun, kaunselor perlu terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kaunseling Islam melalui latihan dan pendidikan berterusan, serta pembangunan model dan

modul kaunseling Islam yang lebih komprehensif bagi memperkasakan lagi peranan mereka.

Kata Kunci:

Kaunseling Islam, Kaunselor Muslim, Sekolah

Abstract:

This study aims to explore the knowledge of Muslim school counselors regarding Islamic counseling. A qualitative research design based on a multiple case study method was employed, with a sample of 19 Muslim counselors selected using purposive sampling. Data were collected through semi-structured interviews. The findings reveal that counselors possess clear knowledge about Islamic counseling, encompassing two main themes: "The counseling process based on human nature and oriented towards the hereafter" and "Modification of Western counseling." Within the first theme, counselors emphasize the importance of understanding human nature and the concepts of al-Nafs, al-Qalb, al-Aql, and al-Ruh. They adhere to the goal of guiding individuals back to their innate nature (fitrah) and utilizing the Quran and Sunnah as the primary sources of guidance. Moreover, counselors perceive their role as preachers who guide clients in maintaining religious practices and noble character. The second theme illustrates counselors' integration of Islamic elements into Western counseling processes, where Western theories serve as the framework while Islamic elements such as Quranic verses, hadith, and moral values are incorporated as complementary components. This study provides an overview of counselors' awareness of the importance of applying Islamic values in counseling sessions and their efforts to infuse Islamic elements into the counseling process to align with clients' needs. However, counselors must continually enhance their knowledge and skills in Islamic counseling through ongoing training and education, as well as the development of more comprehensive Islamic counseling models and modules to further strengthen their roles.

Keywords:

Islamic Counseling, Muslim Counselor, School.

Pengenalan

Kaunseling Islam di Malaysia telah mengalami perkembangan memberangsangkan sejak kemunculannya pada awal tahun 1980-an. Pelbagai kajian dijalankan untuk membangunkan model, teori, dan pendekatan kaunseling berasaskan Islam. Walau bagaimanapun, amalan sebenar kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor Muslim, terutamanya di sekolah, masih belum mapan sepenuhnya (Md Noor, 2018; Mohd Azhar et al., 2021; Noraimi Aainaa, 2018). Kajian terdahulu membuktikan penerapan elemen Islam dalam kaunseling memberi impak positif kepada kaunselor dan pelajar (Ruslan et al., 2020; Mariani & Norhanizah Wati, 2020; Mohd Zaharen et al., 2019; Noraniza et al., 2019; Md Noor et al., 2016; Halimah & Zainab, 2015). Namun, kebanyakan kajian hanya terfokus kepada dimensi input sahaja, sedangkan kajian tentang proses kaunseling Islam masih kurang (Natesan, 2017).

Kajian awal pengkaji mendapati sebahagian besar kaunselor di sekolah mengakui beramal dengan kaunseling Islam, sama ada secara konsisten atau tidak. Dapatan ini menolak andaian bahawa amalan kaunseling Islam tidak berlaku dalam kalangan kaunselor di sekolah, dan disokong oleh kajian-kajian terdahulu (Halimah & Zainab, 2015; Yatimah, 2005; Mohamed Sharif & Roslee, 2005; Siti Hairaney, 2002). Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh kaunselor Muslim dalam mengamalkan kaunseling Islam, antaranya keterbatasan latihan yang disediakan (Melati Sumari & Dini Farhana, 2016; Mazidah et al., 2014; Norazlina & Amir, 2022). Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka cabaran sebenar yang dihadapi oleh kaunselor Muslim di sekolah dalam mengamalkan kaunseling Islam. Dapatan kajian ini penting untuk menambah baik latihan kaunselor dengan berasaskan kompetensi, serta memperkasa amalan kaunseling Islam di peringkat sekolah di Malaysia.

Sorotan Literatur

Kaunseling di Malaysia bermula seawal era penjajahan British pada tahun 1938 dengan penekanan menyediakan pelajar untuk alam pekerjaan (Cheeseman, 1938). Pada tahun 1939, buku 'Careers in Malaya: A Guide for Parents, Teachers and Pupils' diterbitkan sebagai panduan guru mengendalikan perkhidmatan kaunseling di sekolah (Malaya Tribune, 1939). Secara rasmi, kaunseling di sekolah bermula pada tahun 1963 (Natesan, 2017; Kim Low et al., 2013; Pope et al., 2002; Alimuddin, 1988).

Perkembangan kaunseling Islam di Malaysia dikenal pasti bermula sekitar awal tahun 1980-an (Norazlina & Noor Shakirah, 2016), didorong oleh beberapa faktor utama. Pertama, peranan tokoh seperti Malik Badri (Malik Badri, 2010; S. Mohamed Iqbal, 1981; Haque et al., 2016) dan Hassan Langgulung (Salasiah Hanin, 2010; Norazlina & Noor Shakirah, 2016) yang menggesa pendekatan Islam dalam kaunseling melalui karya mereka. Kedua, kemunculan kajian-kajian oleh pengkaji seperti Hamzah, (1983), Aziz Salleh, (1993), Wan Hussain Azmi, (1994), Kamal, (1995, 1996, 2000), Mohamed Sharif (1998), dan Abdul Halim Othman, (1999) yang memberikan sumbangan besar dalam mengembangkan kaunseling Islam (Norazlina & Noor Shakirah, 2016; Zainab et al., 2014). Ketiga, gerakan mengintegrasikan agama ke dalam kaunseling di peringkat antarabangsa (Corey, 2013; Robertson, 2010; Walz & Benjamin, 1983; Dailey et al., 2011, 2014; Miller, 1999; Briggs & Rayle, 2005) yang turut mempengaruhi pengkaji-pengkaji Muslim di Malaysia (Mazidah et al., 2015; Norazlina & Noor Shakirah, 2016). Keempat, pengiktirafan undang-undang seperti kod etika Lembaga Kaunselor Malaysia, (2011) yang menekankan kepentingan mempertimbangkan faktor agama dalam kaunseling.

Walaupun tiada tarikh tepat kaunseling Islam mula bertapak di sekolah, Surat Pekeliling Ikhtisas bil.9A/1976 yang menyatakan keperluan bimbingan agama bagi murid Islam dilihat sebagai sandaran awal bagi menerapkan nilai Islam dalam pendidikan termasuk kaunseling di sekolah. Kesedaran tentang kepentingan Islam dalam kehidupan yang meningkat pada tahun 1970-an dan 1980-an (Camroux, 1996; Barr & Govindasamy, 2010) turut memberi kesan kepada perkembangan kaunseling Islam di sekolah.

Kaunseling Islam merupakan pendekatan yang mengintegrasikan nilai-nilai dan spiritualiti Islam dalam proses terapi dan rawatan (Salmi, 2017). Ia memberi fokus pada aspek kerohanian dan pengabdian kepada Allah, selain turut menitikberatkan keseimbangan antara keperluan fizikal dan rohani individu (Dini Farhana et al., 2017). Kaunseling Islam bermatlamat membantu klien menyelesaikan masalah mengikut ajaran agama (Norazlina & Noor Shakirah, 2016), serta membimbing mereka ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat (Salasiah Hanin & Noor Shakirah, 2013). Kaunseling Islam berbeza dengan kaunseling konvensional Barat yang

lebih menekankan aspek kognitif dan tingkah laku, manakala kaunseling Islam turut memberi penekanan pada unsur spiritual dan kerohanian (Yusmini, 2011). Kaunseling Islam bersumberkan Al-Quran, hadis dan pemikiran sarjana Islam (Salasiah Hanin, 2010), sementara kaunseling konvensional berakarkan teori psikologi Barat. Dari segi matlamat, kaunseling konvensional lebih berfokus pada penyelesaian masalah duniawi, sementara kaunseling Islam turut menekankan kebahagiaan akhirat (Md Noor, 2018).

Dalam konteks sekolah di Malaysia, kajian menunjukkan amalan kaunseling Islam memberi impak positif terhadap para pelajar (Khalim & Wan Zulkifli, 2009; Halimah & Zainab, 2015). Pendekatan pencegahan dalam kaunseling Islam di sekolah dilaksanakan melalui pelbagai program yang menekankan hubungan dengan Allah, manusia dan persekitaran (Halimah & Zainab, 2015). Para kaunselor juga didapati berusaha menerapkan elemen Islam dalam menangani isu salah laku pelajar (Halimah & Zainab, 2015). Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam pelaksanaan kaunseling Islam seperti kekurangan manual dan garis panduan komprehensif serta keperluan latihan yang lebih mendalam untuk kaunselor (Norazlina & Amir, 2022). Selain itu, terdapat isu seperti kekurangan kajian mendalam tentang kaunseling Islam dalam konteks sekolah (Roslee et al., 2008) serta keperluan mengintegrasikan pendekatan yang pelbagai termasuk kaunseling Islam dalam amalan kaunseling sekolah (Nik Rosila et al., 2019).

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berasaskan kaedah kajian kes pelbagai kes atau kajian pelbagai tempat lapangan (Saunders et al., 2023; Yin, 2018). Pendirian falsafah yang digunakan adalah konstruktisme-interpretivisme dengan pendekatan induktif (Cresswell, 2014; Nik Azis, 2014). Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur sebagai kaedah utama. Sampel kajian dipilih menggunakan persampelan bertujuan melibatkan 19 orang kaunselor Muslim yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia, telah berkhidmat melebihi 5 tahun, dan mengamalkan pendekatan kaunseling Islam di sekolah. Temu bual dijalankan secara bersemuka dengan keseluruhan peserta kajian dan mengambil masa sekitar satu jam dan 30 minit purata bagi satu-satu temu bual. Bagi proses analisis data, pengkaji menggunakan model analisis data kualitatif seperti yang disarankan oleh Cresswell (2014). Proses ini meliputi enam langkah utama iaitu: (1) menyusun dan menyediakan data untuk dianalisis, (2) membaca dan meneliti semua data, (3) memulakan proses pengekodan data, (4) menggunakan proses pengekodan untuk menjana perihalan latar atau kategori/tema untuk dianalisis, (5) mempersembahkan tema melalui naratif kualitatif, dan (6) membuat interpretasi atau pelajaran yang dapat diambil dari data. Perisian Nvivo 12 digunakan bagi memudahkan pengekodan dan pengkategorian data (Yin, 2018). Proses analisis turut melibatkan semakan ahli bagi meningkatkan kebolehpercayaan kajian (Merriam & Tisdell, 2016).

Peserta Kajian

Peserta kajian memiliki kelayakan akademik dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Minimum kelayakan peserta kajian adalah pada peringkat ijazah sarjana muda bidang bimbingan dan kaunseling. Manakala seramai sepuluh orang peserta kajian telah mendapat pendidikan sehingga sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling dan seorang peserta kajian sedang menjalani pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Mereka adalah kaunselor berpengalaman yang telah berkhidmat di antara 7 tahun hingga 25 tahun dalam bidang bimbingan dan kaunseling serta berdaftar dengan Lembaga kaunselor Malaysia.

Jadual 1 : Peserta Kajian

Peserta Kajian	Bidang	Tempoh Perkhidmatan
1	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	7 Tahun
2	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	11 Tahun
	Pengurusan Kaunseling (Diploma)	
3	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda, Sarjana & Phd)	21 Tahun
	Pembangunan Manusia (Diploma)	
4	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	13 Tahun
5	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	13 Tahun
	Perniagaan (Diploma)	
6	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	13 Tahun
7	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	13 Tahun
8	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	14 Tahun
9	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	11 Tahun
10	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda & Sarjana)	8 Tahun
11	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	9 Tahun
	Kaunseling (Sarjana Muda)	
12	Psikologi (Sarjana)	16 Tahun
	Bimbingan Dan Kaunseling (DPLI)	
13	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	24 Tahun
14	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	25 Tahun
15	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	17 Tahun
	Tafsir & 'Ulm Quran (Sarjana Muda)	
16	Pendidikan (DPLI)	14 Tahun
	Kaunseling Penyalah Gunaan Dadah(Sarjana)	
17	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	15 Tahun
18	Bimbingan Dan Kaunseling (Sarjana Muda)	19 Tahun
	Kaunseling & Psikologi (Sarjana Muda)	
19	Psikologi (Sarjana)	16 Tahun

Dapatan Kajian

Secara umumnya dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor di sekolah mempunyai pengetahuan mengenai kaunseling Islam. Namun, terdapat variasi dalam aspek pengetahuan yang mereka miliki. Dapatan kajian dibahagikan kepada dua tema utama: "Proses kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia dan bermatlamatkan akhirat" dan "Modifikasi terhadap kaunseling barat". Empat orang pakar daripada pelbagai institusi dengan kepakaran dalam bidang kaunseling Islam terlibat dalam penilaian persetujuan tema. Nilai persetujuan mereka adalah antara 0.83 hingga 0.92, dengan purata nilai Cohen Kappa keseluruhan sebanyak 0.88.

Ini menunjukkan tahap persetujuan yang sangat kuat dan peratusan kesahan data pada 82% - 100%.

Proses Kaunseling Berasaskan Sifat-Sifat Manusia dan Bermatlamatkan Akhirat

Tema pertama mencerminkan pengetahuan kaunselor tentang asas kaunseling Islam yang berlandaskan ajaran dan nilai-nilai Islam. Kaunselor menekankan kepentingan memahami fitrah manusia serta konsep al-Nafs, al-Qalb, al-Aql, dan al-Ruh. Mereka berpegang kepada matlamat mengembalikan individu kepada fitrah asal dan menjadikan al-Quran serta al-Sunnah sebagai panduan utama. Selain itu, kaunselor melihat peranan mereka sebagai pendakwah yang membimbing klien menjaga ibadah dan berakhlak mulia. Ia terdiri daripada tiga kategori/sub tema:

Sudut Pandang Terhadap Manusia

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai sudut pandang yang jelas terhadap konsep manusia dalam kaunseling Islam. Mereka menekankan kepentingan memahami fitrah manusia, serta konsep al-Nafs, al-Qalb, al-Aql, dan al-Ruh. Peserta kajian menyatakan bahawa asas kaunseling Islam adalah memahami sifat-sifat manusia ini. Antara petikan peserta kajian adalah:

"Kaunseling Islam ni fundamental ataupun asas dia, macam mana dia terangkan tentang nafs. Kenapa manusia bermasalah dari segi nafs, qalb dengan akal tu, basic dia tu, dah kita dah faham." (PK01/63-65)

"Manakala dari segi kaunseling Islam ataupun setting kaunseling Islam, menganggap manusia itu adalah lahir secara fitrah dan berlakunya masalah-masalah di dunia ini adalah masalah kepada klien itu sendiri ataupun kepada manusia itu, adalah berdasarkan kesilapan atau dosa yang dialami." (PK03/86-89)

"Sebab bagi saya, bila manusia itu jelas kenapa dia wujud, kenapa manusia itu dijadikan oleh Tuhan, jadi mudah untuk kita bantu dia dan kita bimbing dia untuk dia dapat insight." (PK04/73-74)

Kaunseling Yang Berlandaskan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dan Bermatlamatkan Akhirat

Peserta kajian bersetuju bahawa matlamat kaunseling Islam adalah berbeza dengan kaunseling barat. Ia berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah, serta bermatlamatkan akhirat. Mereka menekankan bahawa kaunseling Islam bukan sahaja menangani masalah duniawi, tetapi juga memfokuskan pada persiapan individu untuk kehidupan akhirat. Antara petikan peserta kajian adalah:

"Kaunseling Islam berasaskan al-Quran dan as-Sunnah. Jadi, pelengkap panduan untuk kaunseling Islam ini lebih terarah, kita hanya menggunakan panduan al-Quran dan as-Sunnah, dalam setting untuk perkhidmatan bimbingan dan kaunseling." (PK03/90-96)

"Kaunseling Islam ni basic-nya ialah dia bermula dengan bagi salam, mula dengan doa al-Fatihah, bermula dengan doa. Lepas itu, dia relate-kan apa petikan hadis, petikan ayat al-Quran dalam sesi kaunseling." (PK04/94-96)

"Kaunseling Islam ini lebih menekankan kepada perkara-perkara... baik, menurut al-Quran dan hadis. Dan matlamatnya adalah untuk membawa klien kita itu lebih bertakwa kepada Allah SWT." (PK16/81-84)

Kaunselor Muslim Adalah Seorang Da'ie

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian melihat kaunselor Muslim sebagai seorang da'ie yang berperanan membimbing dan memberi nasihat kepada klien. Mereka menekankan konsep nasihat dalam kaunseling Islam, serta membimbing klien untuk menjaga ibadah dan berakhlak Islam. Antara petikan peserta kajian adalah:

"Kaunseling Islam menekankan apa tu,,, qalb, hati ke nafs. Yang tu lah ?. So kebanyakannya memang akal yang tidak dapat memandu qalb dengan nafs ke arah yang lebih baik. So kita akan trigger dia punya akal, sebab biasanya kita saja yang ada teknik untuk macam mana nak trigger dia punya akal kan? Biasa bagi nasihat saja." (PK01/264-271)

"So, nak tak nak, kalau dari segi kaunseling Islam, dia macam mana pun akan terkait dengan Ibadah, saya akan tanya, solat cukup tak ?. Sebab itulah bagi saya solat cukup tak, sebab itulah yang membawa dia... kalau dia nak selamat sampai bila-bila pun kena solat. Jadi kaunseling Islam tu memberi penekanan terhadap bimbingan Ibadah." (PK01/105-119)

"Macam begitu lah. Tapi as a muslim we know kan, memutuskan silaturahim tu is not a good akhlak. We tried, i tried to advice my student lah "Ok. You have issue with your friend, but it's not necessarily you must not be friends with your friend tu kan." Maksudnya macam tu lah. Saya akan cuba untuk win-win situation. Ha. Supaya dia tidaklah memutuskan silaturahim dan masih berkawan. At the same time tidak stress dengan apa yang berlaku perhubungan diorang. Benda macam tu. Kaunseling Islam itu juga penekanan terhadap akhlak yang baik." (PK10/112-117)

Modifikasi Terhadap Kaunseling Barat

Tema kedua pula memperlihatkan pendekatan kaunselor yang mengintegrasikan elemen-elemen Islam ke dalam proses kaunseling barat. Mereka tidak menolak teori-teori kaunseling barat sepenuhnya, sebaliknya menjadikannya sebagai kerangka proses kaunseling. Namun, elemen-elemen Islam seperti ayat Al-Quran, hadis, dan nilai akhlak diselitkan sebagai pelengkap dalam sesi kaunseling. Ia terhasil dairipada dua kategori/subtema iaitu :

Teori Barat Sebagai Kerangka Proses Kaunseling

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian menjadikan teori-teori kaunseling barat sebagai kerangka proses dalam amalan kaunseling Islam. Teori-teori barat digunakan sebagai landasan atau asas, manakala elemen-elemen Islam diintegrasikan ke dalam proses kaunseling tersebut. Antara petikan peserta kajian adalah:

"Macam saya cakap tadi. Dia macam tak ada satu garisan jelas. Oh, saya guna kaunseling Islam. Saya tak guna kaunseling Barat. Sebab saya mix and matchkan, ubaisuaikan ilmu-ilmu yang saya pelajari tu. Asalkan kaunseling barat yang betul-betul bertentangan itu saya tak guna sebab saya masih lagi, contohnya dalam sesi kaunseling, saya masih lagi guna Adler punya konstelasi keluarga. Jadi Kaunseling Islam itu pada saya, ia adalah isinya, Manakala kaunseling barat adalah kerangka proses kaunseling." (PK01/218-222)

"Kita tidak menolak langsung kaunseling Barat ni. Ada beberapa teknik ataupun kaedah. Macam saya gunakan integrasi, apa.. ubahsuai, saya gunakan juga teori CBT. Ia adalah kerangkanya. Kaunseling Islam adalah pengisiannya." (PK03/312-313)

"Tak, sebenarnya teori itu pun, orang Barat itu pun dapat ilham pun daripada Allah. So, back to Allah jelah. Macam itu lah. Islam itu pengisiannya. Melengkapkan apa yang barat bawa." (PK04/545-546)

Elemen Islam Adalah Pelengkap Kaunseling Barat

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa peserta kajian mengaplikasikan elemen-elemen Islam untuk melengkapkan proses kaunseling yang berasaskan teori barat. Elemen-elemen Islam seperti ayat-ayat Al-Quran, hadis, dan nilai-nilai akhlak Islam diselitkan ke dalam sesi kaunseling. Antara petikan peserta kajian adalah:

"Macam dalam kaunseling Islam ni diakhirnya, nak tak nak, kita bawa pelajar kita kembali kepada tuhan. Itu yang tak ada. Itu kekurangan dialah kan dalam Barat. Sebab dia tengok here and now. Tengok sekarang... nak tak nak, kalau dalam kaunseling Islam, akhirat jualah selama-lamanya. Ia pelengkap pada kekosongan kaunseling barat." (PK01/98-116)

"Kaunseling Islam ini lebih menjurus kepada perjalanan sesi kaunseling itu berkonsepkan Islam, proses menjurus kepada agama dan dunia klien itu hanya untuk Allah SWT tetapi kalau kaunseling barat ini seperti sesi kaunseling yang dilakukan kaunselor lebih menjurus kepada klien dengan kaitan masalah diri klien itu dengan persekitaran yang berlaku di sekeliling itu yang menyebabkan klien bermasalah. Islam melengkapkan apa yang barat tu lah." (PK05/46-51)

"Ok. Kalau ikutkan saya sebenarnya, kalau ikutkan, kalau barat saya memegang kepada teori realiti lah. Jadi kalau teori realiti ni, dia apa, sedar apa yang berlaku. Dia kena bertanggungjawab dengan apa yang berlaku, dia juga kena bertanggungjawab dengan apa semua. Jadi benda-benda tu bagi saya dalam Islam pun ada konsep macam tu. Kita memandang perkara lepas. Kita bertanggungjawab dengan apa pilihan yang kita apa, kita pilih. Kita sedar apa yang kita nak dan apa yang kita impikan tu bertentangannya macam mana. Jadi bagi saya dalam Islam tu ada juga konsep-konsep tu. Jadi dia masuk macam tu lah. Islam lengkapkan yang itu." (PK09/181-187)

Dapatan ini mencerminkan pemahaman kaunselor terhadap keperluan untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam amalan kaunseling di sekolah. Walaupun teori-teori barat digunakan sebagai asas, mereka berusaha mengisi proses kaunseling dengan elemen-elemen Islam agar selari dengan kehendak dan keperluan klien yang majoriti beragama Islam.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran jelas tentang pengetahuan kaunselor di sekolah berkaitan kaunseling Islam. Ianya menunjukkan bahawa kaunselor sedar akan kepentingan menerapkan nilai-nilai Islam dalam sesi kaunseling, sama ada secara langsung atau dengan mengintegrasikannya ke dalam pendekatan barat. Langkah ini dilihat sebagai usaha untuk memenuhi keperluan kerohanian dan spiritual klien, di samping menangani masalah mereka dari perspektif yang lebih menyeluruh.

Walaupun begitu, adalah penting untuk kaunselor terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengamalkan kaunseling Islam secara lebih berkesan. Ini dapat dicapai

melalui latihan dan pendidikan berterusan, serta pembangunan model dan modul kaunseling Islam yang lebih komprehensif. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang kukuh, kaunselor dapat memperkasakan lagi peranan mereka dalam membantu perkembangan pelajar dari perspektif jasmani, emosi, dan kerohanian.

Perbincangan

Kajian ini memberikan gambaran berkaitan pengetahuan kaunselor sekolah di Malaysia mengenai kaunseling Islam. Dapatan menunjukkan bahawa kaunselor memiliki pengetahuan tentang prinsip asas kaunseling Islam yang berakar umbi daripada ajaran dan nilai-nilai Islam. Mereka menekankan kepentingan memahami fitrah manusia serta konsep al-Nafs, al-Qalb, al-Aql dan al-Ruh dalam proses kaunseling. Kaunselor berpegang teguh pada matlamat untuk membimbing individu kembali kepada fitrah asal serta menjadikan Al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama. Selain itu, kaunselor turut melihat peranan mereka sebagai pendakwah yang menasihati klien agar menjaga ibadah dan berakhlak mulia, selain menyelesaikan permasalahan keduniaan. Ini mencerminkan kefahaman menyeluruh kaunselor mengenai asas-asas kaunseling Islam serta kepentingan mengaplikasikan pendekatan ini dalam amalan kaunseling.

Walaupun kaunselor mempunyai pengetahuan berkaitan kaunseling Islam, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa mereka tidak menolak teori-teori kaunseling Barat sepenuhnya. Sebaliknya, mereka berusaha mengaplikasikan elemen-elemen Islam ke dalam proses kaunseling Barat. Teori-teori Barat dijadikan sebagai kerangka proses kaunseling, manakala elemen-elemen Islam seperti ayat Al-Quran, hadis dan nilai akhlak diselitkan sebagai pelengkap dalam sesi kaunseling. Pendekatan ini membolehkan kaunselor memanfaatkan kepakaran dan teknik-teknik yang terdapat dalam teori kaunseling Barat, sambil mengisi kelengkapan teori tersebut dengan nilai-nilai Islam. Melalui kaedah ini, proses kaunseling dapat dijalankan dengan lebih berkesan, di mana aspek kerohanian dan spiritual turut diberi perhatian seiring dengan penyelesaian isu klien.

Implikasi

Kajian ini mempunyai implikasi signifikan terhadap latihan dan pembangunan profesional kaunselor di sekolah. Dapatan menunjukkan keperluan untuk memperkukuhkan lagi latihan dan pendedahan kaunselor dalam bidang kaunseling Islam walaupun mereka memiliki pengetahuan asas. Ini adalah penting untuk memastikan kaunselor memahami konsep dan aplikasi kaunseling Islam dengan lebih mendalam, seterusnya dapat mengintegrasikannya dalam amalan mereka dengan lebih berkesan. Justeru, pihak pemegang taruh perlu merangka program latihan dan pembangunan profesional yang komprehensif dalam kaunseling Islam.

Selain itu, kajian ini juga mempunyai implikasi terhadap pembangunan model kaunseling Islam yang lebih komprehensif dan berkesan. Dapatan menunjukkan kecenderungan kaunselor untuk mengintegrasikan elemen-elemen Islam ke dalam teori kaunseling barat, namun keperluan untuk mengkaji dan membangunkan model kaunseling Islam yang lebih mantap dan tersusun tetap wujud. Model ini perlu menggabungkan teori-teori kaunseling barat yang sesuai dengan nilai-nilai Islam secara lebih sistematik dan holistik bagi memastikan proses kaunseling Islam dilakukan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Cadangan

Berdasarkan implikasi yang dinyatakan, pengkaji mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia meningkatkan latihan dan pendedahan kepada kaunselor tentang

kaunseling Islam melalui kursus, bengkel, dan program pembangunan profesional yang berterusan. Kandungan latihan perlu merangkumi konsep asas kaunseling Islam, aplikasinya dalam amalan kaunseling, serta integrasi nilai-nilai Islam dalam proses kaunseling. Pendedahan yang mencukupi akan membolehkan kaunselor memahami dan mengaplikasikan kaunseling Islam dengan lebih berkesan.

Selain itu, penyelidikan dan pembangunan model kaunseling Islam yang menggabungkan teori-teori barat dan nilai-nilai Islam secara lebih sistematik perlu digalakkan. Pihak berkuasa pendidikan dan institusi pengajian tinggi boleh menyediakan dana dan sokongan untuk penyelidikan dalam bidang ini. Model kaunseling Islam yang komprehensif dan berkesan akan menjadi sumbangan besar kepada bidang kaunseling Islam dan membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunseling di sekolah.

Kesimpulan

Kajian ini memberikan gambaran yang komprehensif tentang pengetahuan kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor di sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa kaunselor memiliki kefahaman yang mendalam mengenai prinsip asas kaunseling Islam yang berakar umbi daripada ajaran dan nilai-nilai Islam. Mereka menekankan kepentingan memahami fitrah manusia, konsep al-Nafs, al-Qalb, al-Aql, dan al-Ruh, serta berpegang teguh kepada matlamat mengembalikan individu kepada fitrah asal dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama. Kaunselor turut melihat peranan mereka sebagai pendakwah yang membimbing klien dalam menjaga ibadah dan berakhlak mulia, selain menyelesaikan permasalahan duniawi. Walaupun tidak menolak teori-teori kaunseling barat sepenuhnya, kaunselor berusaha mengintegrasikan elemen-elemen Islam seperti ayat Al-Quran, hadis, dan nilai akhlak ke dalam proses kaunseling sebagai pelengkap.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan artikel ini, terutama kepada rakan pengkaji dalam pengumpulan data dan rujukan metodologi sehingga artikel ini berjaya diterbitkan. Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris khususnya Fakulti Pembangunan Manusia kerana menyokong penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Halim Othman. (1999). Kaunseling untuk kesejahteraan insan: Satu pengalaman di Malaysia. In 1999.
- Alimuddin, M. D. (1988). *Tanggapan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Enam Buah Sekolah Menengah di Malaysia*. Universiti Pertanian Malaysia.
- Aziz Salleh. (1993). *Kaunseling Islam asas*. Utusan Publication & Distributors.
- Barr, M. D., & Govindasamy, A. R. (2010). The islamisation of Malaysia: Religious nationalism in the service of ethnonationalism. *Australian Journal of International Affairs*, 64(3), 293–311. <https://doi.org/10.1080/10357711003736469>
- Briggs, M. K., & Rayle, A. D. (2005). Incorporating Spirituality Into Core Counseling Courses: Ideas for Classroom Application. *Counseling and Values*, 50(October), 63–76.
- Camroux, D. (1996). State Responses to Islamic Resurgence in Malaysia: Accommodation, Co-Option, and Confrontation. *Asian Survey*, 36(9), 852–868.
- Cheeseman, H. A. R. (1938). *Report on vocational education in Malaya : being proposals regarding the provision of additional facilities for vocational education and*

- modifications in school curricula so as to bring into closer touch present day conditions. Malaya Education Service.
- Corey, G. (2013). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (Internatio). Cengage Learning.
- Cresswell, J. . (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed methods approaches*. Sage Publications, Inc. <https://doi.org/10.2307/3152153>
- Dailey, S. F, Robertson, L. a, & Gill, C. S. (2014). Spiritual Competency Scale: Further Analysis. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 48, 15–29. <https://doi.org/10.1177/0748175614544688>
- Dailey, Stephanie F., Curry, J. R., Harper, M. C., Moorhead, H. J. . ., & Gill, C. S. . (2011). Exploring the Spiritual Domain: Tools for Integrating Spirituality and Religion and Counseling. *Vistas Online*, 2–12. http://counselingoutfitters.com/vistas/vistas11/Article_99.pdf
- Dini Farhana, B., Zuria, M., Salleh, A., & Mohd Rushdan, M. J. (2017). POTENTIAL INTEGRATION OF NAQLI AND AQLI KNOWLEDGE IN COUNSELING BY UNDERSTANDING THE CONCEPT OF WELLNESS ABSTRAK Introduction. *Ulum Islamiyah*, 20(April), 1–9.
- Halimah, A. H., & Zainab, I. (2015). Pendekatan Pencegahan Kaunselor Muslim dalam Menangani Salah Laku Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Klang, Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8(Dec), 17–26. www.ukm.my/ijit
- Hamzah, M. (1983). Bimbingan dan Kaunseling dari Sudut Pandang Islam. *PERKAMA*, 1(1), 79–84.
- Haque, A., Khan, F., Keshavarzi, H., & Rothman, A. E. (2016). Integrating Islamic Traditions in Modern Psychology: Research Trends in Last Ten Years. *Journal of Muslim Mental Health*, 10(1). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.3998/jmmh.10381607.0010.107>
- Kamal, A. M. (1995). *Kaunseling Islam perbandingan antara amalan dan teori kaunseling barat*. utusan publication & distributor.
- Kamal Abd Manaf. (1996). *Perbezaan dan persamaan pandangan Carl Rogers dan Imam Ghazali terhadap beberapa aspek kaunseling*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal Abd Manaf. (2000). *Kaunseling Islam satu alternatif baru di Malaysia*. Utusan Publication & Distributors.
- Khalim, Z., & Wan Zulkifli, W. H. (2009). *Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah : Satu Kajian Kes*. 1(2), 1–14.
- Kim Low, S., Kuan Kok, J., & Ngee Lee, M. (2013). A holistic approach to school-based counselling and guidance services in Malaysia. *School Psychology International*, 34(2), 190–201. <https://doi.org/10.1177/0143034312453398>
- Lembaga Kaunselor Malaysia. (2011). *Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia*. In *Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia (1)*. Penerbitan Lembaga Kaunselor.
- Malaya Tribune. (1939, October 5). *Official book on careers in Malaya*. 4. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/maltribune19391005-1.2.46>
- Malik Badri. (2010). *Azminah Ulama' al-Nafs al-Muslimin*. Dar Debono li al-Thiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mariani, O., & Norhanizah Wati, N. (2020). Pendekatan Kaunseling Islam Untuk Menangani Masalah Sosial Di Kalangan Remaja Sekolah Menengah Agama. *Al-Takamul Al-Ma'arif*, 3(1), 13–41.
- Mazidah, M. D., Raja Zirwatul Aida, R. I., & Azlina, A. B. (2014). Counselors' Spiritual Competence in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(10), 182–187. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n10p182>

- Md Noor, S. (2018). Kaunseling Islam Di Malaysia. *The 1St International Conference on Islamic Guidance and Counseling*, 1–9.
- Md Noor, S., Nurul Ain, M. D., & Norazani, A. (2016). Kesahan dan Kebolehppercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas Pelajar Bermasalah Tingkah Laku. *International Journal of Islamic*, 9(June), 32–43.
- Melati Sumari, & Dini Farhana. (2016). Counseling Students' Experiences in an Islamic-Based Counseling Course. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 38(September), 194–203.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Miller, G. (1999). The development of the spiritual focus in counseling and counselor education. *Journal of Counseling and Development*, 77, 498–501.
- Mohamed Sharif, M., & Roslee, A. (2005). Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. *3rd International Qualitative Research Convention 2005*, August, 1–24. <http://etd.uum.edu.my/502/>
- Mohd Azhar, A. R., Shafie, M., & Syed Ahmad Ruslan, S. A. A. (2021). Amalan kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor Muslim. *Muaddib*, 15(1), 7–17.
- Mohd Zaharen, M. Z., Md Noor, S., & Mohammad Nasir, B. (2019). Kesahan dan Kebolehppercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. *Journal Of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 9(1), 58–69. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol9.no1.6.2019>
- Natesan, M. (2017). *Keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Nik Azis, N. P. (2014). *Penghasilan Disertasi Berkualiti dalam Pendidikan Matematik*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Rosila, N. Y., Nor Shafrin, A., & Rashidah, M. H. (2019). The Need Analysis of Islamic Counseling Approach in Solving Students' Problem. *4th ASEAN Conference on Psychology, Counselling, and Humanities*, 304(Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)), 406–409. <https://doi.org/10.2991/acpch-18.2019.96>
- Noraimi Aainaa, O. (2018). *Meneroka Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Kalangan Kaunselor*. Uniseriti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraniza, M. N., Syed Mohamad, S. A., & Siti Nur Hadis, A. R. (2019). Islamic Counseling Approach by Abdullah Nasih Ulwan for Preventing Aggressive Behaviour Among School Students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.302>
- Norazlina, Z., & Amir, A. (2022). Kaunseling Perspektif Islam: Cabaran Kaunselor Dan Perspektif Klien Masa Kini. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 18–28.
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. (2016). Theories and Modules Applied in Islamic Counseling Practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520. <https://doi.org/10.1007/s10943-016-0246-3>
- Pope, M., Muhaini, M., Singaravelu, H., Bringaze, T., & Russell, M. (2002). From Colonialism to Ultrnationalism: History and development of career counselling in Malaysia. *Career Development Quarterly*, 50(March), 264–276.
- Robertson, L. A. (2010). The spiritual competency scale. *Counseling and Values*, 55(1), 6–24. <https://doi.org/10.1002/j.2161-007X.2010.tb00019.x>

- Roslee, A., Mohamed Sharif, M., & Sulaiman Shakib, M. N. (2008). Pendekatan Kaunseling Daripada Perspektif Islam. *International Conference on the Education of Learner Diversity (ICELD08)*.
- Ruslan, H., Zain, F. M., Kaseh, A. B., & . Azmul Fahimi, K. (2020). Sumbangan Guru Pendidikan Islam dalam Amalan Bimbingan dan Kaunseling terhadap Pelajar dan Rakan Guru di Sekolah. *Al-Hikmah*, 12(2), 19–34.
- S. Mohamed Iqbal. (1981). Islamic perspective in personality assessment and curent trends in psychology. *The Journal of IMA*, 13, 67–72. <https://doi.org/10.5915/13-2-11935>
- Salasiah Hanin. (2010). Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghaz ali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Islamiyyat*, 32(32), 41–61.
- Salasiah Hanin, H., & Noor Shakirah, M. A. (2013). Islamic Approach in Counseling. *Journal of Religion and Health*, 53(1), 279–289. <https://doi.org/10.1007/s10943-013-9703-4>
- Salmi, A. S. (2017). Principles of Islamic Counselling and Psychotherapy. *Asian Journal of Management Sciences & Education*, 6(3), 129–138.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2023). *Research Methods for Business Students* (9th ed.). Pearson Education Limited.
- Siti Hairaney Bachok. (2002). *Amalan kaunseling kerohanian dikalangan pelajar Melayu. Kajian kes di tiga buah sekolah di daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Walz, G. R., & Benjamin, L. (1983). Shaping Counselor Education Programs in the Next Five Years: An Experimental Prototype for the Counselor of Tomorrow. *Proceedings of the Flagship Conference of the Association for Counselor Education and Supervision, April 29-May 2, 1983*.
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir. (1994). *Kaunseling Dan Psikologi Menurut Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yatimah. (2005). *Kaunseling Islam : Satu Analisis Kualitatif Model Kaunseling Berasaskan Sifat-Sifat Manusia Oleh Imam Al-Ghazali*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yin, R. K. (2018). Case Study Research and Applications: Design and Methods. In *Journal of Hospitality & Tourism Research* (6th ed., Vol. 53, Issue 5). Sage Publications Ltd. <https://doi.org/10.1177/109634809702100108>
- Yusmini, M. Y. (2011). *Counselling and Religious and Spiritual Values : a Malaysian Study a*. University of Waikato.